

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)


**MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dilaksanakan pada 18 Oktober 2016 bertempat di Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC). Majlis menghargai sumbangan dan khidmat bakti mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr. Hashim Saim yang tamat tempoh lantikan pada 30 September 2016, setelah menerajui portfolio penyelidikan dan inovasi pada 01 Januari 2016. Majlis telah diserikan dengan tayangan *multimedia* bertajuk "Till We Meet Again..." serta dihiburkan dengan pertandingan ucapan paling kreatif daripada Bahagian/Pusat iaitu BPK, R&D, ICC, dan I²E (COE). Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pendaftar, Wakil Bendahari dan warga kerja penyelidikan & inovasi. Profesor Dr. Hashim Saim kini meneruskan khidmat sebagai Profesor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) mulai 01 November



**KEPUTUSAN PENARAFAN BINTANG MYRA®2015**

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengeluarkan surat rasmi bertarikh 13 Oktober 2016 bagi mengumumkan bahawa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mencapai tiga (3) bintang dalam penilaian *Malaysia Research Assessment (MyRA®)* bagi pencapaian tahun 2015. Terdahulu pada Ogos 2016, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperuntukkan bonus berupa dana penyelidikan kepada UTHM bagi penilaian data MyRA®2015 iaitu sebanyak RM1,732,830.38. Penarafan tiga (3) bintang ini adalah sepertimana yang diperolehi dalam penilaian data MyRA®2014. Adalah diharapkan agar universiti dapat mencipta kejayaan yang luar biasa dengan memperolehi peningkatan dalam penarafan bintang pada tahun akan datang.



**LAWATAN PENYELIDIKAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)**



Pada 25 Oktober 2016 pihak ORICC telah menerima lawatan kerjasama penyelidikan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai struktur organisasi R&D, peluang kerjasama penyelidikan, fasiliti dan kelengkapan penguji makmal. KTMB diketuai oleh En. A. Wahid Othman, Senior Manager ARCOE, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Akademi KTM (MyRA). Turut hadir ialah Ir. Mohammad Shukri Idris, Ir. Mohd. Kholel Manaf dan En. Johari Kamal Zakaria. Para tetamu telah disambut oleh pengurusan



ORICC yang diketuai oleh Profesor Dr. Rosziati Ibrahim. Turut hadir ialah Profesor Dr. Khalid Hasnan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) yang berkongsi maklumat mengenai program Kejuruteraan Rel. Diharapkan agar lawatan ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak sekali gus menghasilkan satu kerjasama yang berimpak tinggi. Selepas perbincangan, tetamu telah dibawa melawat fasiliti makmal di Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMC).

